



## Norlisman tersenyum menerima 'sejambak bunga' di hospital

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Sikap bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh seorang posman dengan tidak melepaskan surat-surat berdaftar walaupun beliau cedera dalam satu kemalangan jalan raya semalam mendapat pujian, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sepucuk surat pujian daripada Perdana Menteri dan satu lagi daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam diserahkan kepada posman itu — Norlisman Abu, 29 tahun oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie di Hospital Besar di sini hari ini.

Datuk Leo yang disertai oleh wakil-wakil dari Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa telah memuji Norlisman kerana semangat bertanggungjawab yang tidak mempercayai sesiapapun dengan surat-surat tersebut.

Katanya, beliau mengarahkan Ketua Pengarah Pos untuk mencatatkan nama Norlisman dan dimasukkan dalam fail peribadi kerana menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan juga memberi surat-pujian.

Datuk Leo menjelaskan, tindakan Norlisman hendaklah dijadikan tauladan kepada posman-posman lain dalam menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan tidak membenarkan sebarang keadaan mengganggu tugas.

"Sikap Norlisman kepada tugasnya adalah satu contoh comel yang kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah," katanya.

Norlisman ditimpa kemalangan jalan raya semasa dalam perjalanan ke Damansara untuk menghantar surat-surat apabila motosikal yang ditunggangnya terbabas dan beliau terhumban.

Walaupun cedera, Norlisman bangun

dengan terhuyong-hayang dan pergi ke motosikalnya mengambil surat-surat berdaftar dari beg surat.

Beliau memastikan surat-surat lain dikawal oleh polis lalu lintas sebelum dibawa ke hospital oleh seorang yang lalu di situ.

Kakitangan hospital cuba mengambil surat-surat daftar itu tetapi beliau enggan menyerahkannya dengan berkata beliau hanya akan menyerahkannya kepada pegawainya.

● ENCIK Norlisman, posman yang ditimpa kemalangan jalan raya di Jalan Parlimen tersenyum menerima sejambak bunga.

No. Siri ..... 29413 .....  
No. Penerimaan ..... 688/85 .....